

Tarikh Berkuatkuasa: 1 Mac 2026

TERMA DAN SYARAT
AEON BANK KEMPEN DEPOSIT

PENTING

Sila baca terma dan syarat di sini untuk AEON Bank Kempen Deposit ("**Kempen**") yang dipaparkan di Aplikasi AEON bank dan/atau laman sesawang AEON Bank ("**Terma dan Syarat**"). Kempen ini tertakluk kepada terma dan syarat ini, [Terma Penggunaan Umum AEON Bank](#), dan semua terma dan syarat berkaitan lain-lain di aplikasi AEON Bank. Maklumat lanjut mengenai Kempen boleh didapati di <https://aeonbank.com.my/promotions/awareness>. Dengan menyertai Kempen ini, anda bersetuju untuk terikat pada Terma dan Syarat berikut berserta sebarang terma dan syarat lain yang berkaitan.

1. Tempoh Kempen

Kempen ini sah dari tempoh yang berikut ("**Tempoh Kempen**"):

No.	Kempen	Tempoh Kempen
Promosi 1	<i>Savings Pot</i> : Kadar Promosi	1 Mac 2026 to 31 Mei 2026
Promosi 2	Kadar Promosi Deposit Bertempoh-i	1 Mac 2026 to 31 Mei 2026

Sebarang lanjutan Tempoh Kempen akan ditentukan oleh AEON Bank mengikut budi bicara mutlaknya.

2. Definisi

Terma	Definisi
"AEON Bank" atau "Bank"	Merujuk kepada AEON Bank (M) Berhad.
"Akaun Simpanan-i AEON Bank"	Merujuk kepada akaun simpanan patuh Syariah yang ditawarkan oleh AEON Bank.
"Aplikasi AEON Bank"	Merujuk kepada aplikasi mudah alih yang digunakan untuk mengakses perkhidmatan AEON Bank.
"Deposit Bertempoh-i AEON Bank"	Merujuk kepada akaun deposit bertempoh patuh Syariah yang ditawarkan oleh AEON Bank.
"Kempen"	Merujuk kepada promosi berikut: Promosi 1: <i>Savings Pot</i> : Kadar Promosi Promosi 2: Kadar Promosi Deposit Bertempoh-i

“Pelanggan” atau “anda” atau “milik anda”	Merujuk kepada pelanggan AEON Bank.
--	-------------------------------------

3. Kelayakan

- 3.1 Kempen adalah terbuka kepada semua Pelanggan yang telah berjaya mendaftar, mengaktifkan akaun mereka, dan merupakan pelanggan AEON Bank yang aktif sepanjang Tempoh Kempen, kecuali yang berikut:
- (a) Pelanggan yang Akaun Simpanan-i AEON Bank telah ditamatkan, ditutup, digantung, delinkuen atau dijalankan dengan tidak memuaskan seperti yang ditentukan oleh AEON Bank semasa Tempoh Kempen; dan
 - (b) Pelanggan yang tidak sihat mental, meninggal dunia, diputuskan mufis atau terdapat sebarang prosiding undang-undang yang dimulakan terhadap Pelanggan.

4. Ganjaran Kempen

Kempen ini terdiri daripada promosi - promosi berikut:

No.	Promosi	Ganjaran Promosi						
Promosi 1	<i>Savings Pot.</i> Kadar Keuntungan 3.00% p.a.	Kadar Keuntungan 3.00% p.a atas deposit Pelanggan dalam <i>Savings Pot.</i> *Kadar Keuntungan mungkin akan disemak semula sekiranya terdapat perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (OPR).						
Promosi 2	Kadar Promosi Deposit Bertempoh-i	Jadual: Tempoh dan Kadar <table border="1"> <tr> <th>Tempoh</th><th>Kadar Keuntungan Semasa (%)</th><th>Kadar Promosi (%)</th></tr> <tr> <td>Enam (6) bulan</td><td>2.50 % setahun</td><td>3.08 % setahun</td></tr> </table> *Kadar Keuntungan mungkin akan disemak semula sekiranya terdapat perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (OPR).	Tempoh	Kadar Keuntungan Semasa (%)	Kadar Promosi (%)	Enam (6) bulan	2.50 % setahun	3.08 % setahun
Tempoh	Kadar Keuntungan Semasa (%)	Kadar Promosi (%)						
Enam (6) bulan	2.50 % setahun	3.08 % setahun						

5. Mekanik Kempen

Mekanik Kempen adalah seperti berikut:

No.	Promosi	Mekanik untuk Promosi	Ganjaran Promosi						
Promosi 1	Savings Pot Kadar Promosi	- Pelanggan perlu membuka Savings Pot dan mendepositkan dana ke dalamnya untuk menikmati Kadar Keuntungan 3.00% p.a. - Kadar keuntungan harian yang terakru yang diperolehi Pelanggan akan didepositkan ke dalam AEON Bank Savings Pot Pelanggan pada hari terakhir bulan tersebut.	Kadar keuntungan 3.00% p.a atas deposit Pelanggan dalam Savings Pot, dimana jumlah keuntungan yang diperolehi akan didepositkan ke dalam AEON Bank Savings Pot Pelanggan pada hari terakhir setiap bulan. *Kadar Keuntungan mungkin akan disemak semula sekiranya terdapat perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (OPR).						
Promosi 2	Kadar Promosi Deposit Bertempoh-i	(c) Pelanggan yang mempunyai Akaun Simpanan-i, layak memilih Kadar Promosi Deposit Bertempoh-i yang ditawarkan sepanjang tempoh promosi berlangsung. (d) Penempatan yang diperbaharui secara automatik adalah tertakluk kepada kadar keuntungan semasa dan tidak layak untuk kadar promosi yang ditawarkan.	Jadual: Tempoh dan Kadar <table><tr><th>Tempoh</th><th>Kadar Keuntungan Semasa (%)</th><th>Kadar Promosi (%)</th></tr><tr><td>Enam (6) bulan</td><td>2.50% setahun</td><td>3.08% setahun</td></tr></table> *Kadar Keuntungan mungkin akan disemak semula sekiranya terdapat perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (OPR).	Tempoh	Kadar Keuntungan Semasa (%)	Kadar Promosi (%)	Enam (6) bulan	2.50% setahun	3.08% setahun
Tempoh	Kadar Keuntungan Semasa (%)	Kadar Promosi (%)							
Enam (6) bulan	2.50% setahun	3.08% setahun							

5.1 Dalam keadaan dimana (i) seorang Pelanggan menutup Akaun Simpanan-i AEON Bank mereka atau (ii) Akaun Simpanan-i AEON Bank digantung, dibekukan atau ditutup atas sebab apa pun, AEON Bank berhak untuk:

- menolak kelayakan Pelanggan tersebut daripada menyertai Kempen ini termasuk mana-mana promosi individu;
- membatalkan atau menarik balik Mata Ganjaran Kempen yang diberikan daripada Pelanggan tanpa notis terlebih dahulu;
- menolak untuk mengkreditkan sebarang Mata Ganjaran Kempen kepada Pelanggan tanpa notis terlebih dahulu; dan/atau
- mengambil sebarang tindakan lain yang dianggap perlu terhadap Pelanggan.

- 5.2 Untuk layak Promosi 2, Pelanggan perlu membuat deposit minimum sebanyak RM200 bagi setiap penempatan untuk tempoh enam (6) bulan. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, Pelanggan akan menerima kadar promosi yang ditawarkan sepanjang tempoh penempatan mereka. Setelah matang, deposit tersebut akan diperbaharui secara automatik bagi tempoh yang sama, tertakluk pada kadar keuntungan semasa yang telah ditetapkan.

6. Terma dan Syarat Am

- 6.1 Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan harus memenuhi Kriteria Kelayakan. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 6.2 Pelanggan dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum menyertai Kempen ini. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan terikat kepada terma dan syarat ini serta sebarang terma dan syarat lain yang berkaitan termasuk tetapi tidak terhad kepada Akaun Simpanan-i AEON Bank, Kad Debit-i AEON Bank dan Deposit Bertempoh-i AEON Bank.
- 6.3 AEON Bank mempunyai hak untuk menolak atau mengecualikan mana-mana Pelanggan daripada menyertai Kempen ini yang tidak mematuhi Terma dan Syarat ini dan/atau didapati atau disyaki secara munasabah menggunakan atau menyalahgunakan Kempen ini atau operasi dan proses Kempen ni termasuk tetapi tidak terhad kepada aktiviti penipuan.
- 6.4 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju dengan [Notis Privasi](#) AEON Bank di mana Pelanggan bersetuju untuk membenarkan data peribadinya dikumpul, diproses, dan digunakan oleh AEON Bank.
- 6.5 AEON Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tanpa had, kehilangan pendapatan, keuntungan atau reputasi baik, langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, teladan, punitif atau khas) bagi mana-mana pihak bagaimana sekalipun ia timbul sama ada dalam kontrak, tort, kelalaian atau sebaliknya, berkaitan dengan Kempen ini.
- 6.6 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju bahawa AEON Bank tidak akan bertanggungjawab jika AEON Bank tidak dapat melaksanakan sepenuhnya atau sebahagian daripada kewajipan di sini yang boleh dikenakan secara langsung atau tidak langsung kepada kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, peperangan, mogok, rusuhan, wabak atau sebarang bencana alam yang berada di luar kawalan AEON Bank atau disebabkan oleh sebarang faktor yang berkaitan dengan *force majeure* yang berada di luar kawalan AEON Bank secara munasabah.
- 6.7 Sekiranya Pelanggan didapati tidak layak atau didapati telah melakukan penipuan dalam apa cara sekalipun semasa atau selepas Kempen, AEON Bank berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk membatalkan kelayakan Pelanggan atau membatalkan/menarik balik sebarang ganjaran yang diberikan kepada Pelanggan, dan jika gagal, Pelanggan bersetuju dan berjanji untuk menanggung rugi AEON Bank bagi nilai dan kos ganjaran tersebut. AEON Bank juga berhak untuk memulakan sebarang tindakan yang difikirkan perlu terhadap Pelanggan tersebut.
- 6.8 AEON Bank dan pegawai, pekerja, wakil, dan/atau ejennya (termasuk tanpa had, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh AEON Bank untuk tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menerima sebarang liabiliti yang timbul atau dialami oleh seorang

Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga yang berpunca secara langsung atau tidak langsung dari Kempen ini, kecuali disebabkan oleh kecuaiannya AEON Bank berkaitan dengan Kempen ini secara khusus.

- 6.9 Pelanggan hendaklah menanggung semua kos, perbelanjaan, fi, dan/atau caj yang berkaitan dengan penerimaan, penebusan, dan/atau penyertaan dalam Kempen ini.
- 6.10 AEON Bank berhak untuk menukar, mengubahsuai, dan/atau meminda mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada pelanggan melalui laman sesawang Bank atau Aplikasi AEON Bank.
- 6.11 AEON Bank berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini sebelum tamat tempoh Kempen, sepenuhnya atau sebahagian, pada bila-bila masa, dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan melalui laman web Bank di <https://aeonbank.com.my>, melalui Aplikasi AEON Bank, atau dengan cara lain yang ditentukan oleh Bank dari masa ke semasa.
- 6.12 Pelanggan tidak berhak menuntut apa-apa pampasan daripada AEON Bank bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan akibat daripada pembatalan, penarikan balik, penggantungan, pelanjutan atau penamatan Kempen ini atau kehabisan atau ketiadaan ganjaran.
- 6.13 Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan sebarang pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen ini hendaklah dirujuk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.
- 6.14 Keputusan AEON Bank berkenaan dengan sebarang perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan diguna pakai.
- 6.15 Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma dan Syarat ini dengan sebarang pengiklanan, promosi, publisiti, dan bahan-bahan lain yang berkaitan dengan atau berhubungan dengan Kempen ini, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.
- 6.16 Terma dan Syarat Kempen ini mungkin juga tersedia dalam Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat ketidakselarasan, konflik, kekaburan atau perbezaan antara Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia ini, versi Terma dan Syarat Bahasa Inggeris akan terpakai.